

Defisit Belanjawan 2003 dijangka lebih kecil

BM - 5 JUN 2002

Oleh Abdul Halim Yusoff, Misiah Taib dan
Wan Esuriyanti Wan Ahmad

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Belanjawan 2003 dijangka masih mencatatkan defisit, tetapi ia adalah lebih kecil berbanding belanjawan tahun ini.

Perdana Menteri tidak menyatakan anggaran sebenar defisit bagi belanjawan tahun depan itu, tetapi ia dijangka di bawah enam peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Saya tak tahulah, tetapi kurang daripada enam (peratus). Jika kita dapat kurangkan kepada 5.5 peratus daripada KDNK, itu pun sudah cukup bagus," katanya ketika ditanya sebanyak mana defisit Belanjawan dapat dikurangkan tahun depan.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan sesi dialog prabelanjawan sesi keempat dengan Menteri Besar dan ahli Parlimen dan kelab penyokong kerajaan di Putrajaya, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan sudah tentunya tidak dapat membentangkan belanjawan seimbang tahun depan kerana pelbagai pihak meminta supaya dikurangkan cukai serta ditambah peruntukan perbelanjaan.

"Jika cukai dikurangkan dan perbelanjaan ditingkatkan, sudah tentu defisit belanjawan tidak dapat dikurangkan.

"Jadi, saya berharap semua pihak akan terima bahawa cukai mungkin tidak dapat dikurangkan dan perbelanjaan mungkin tidak dapat ditambah dengan terlalu banyak," katanya.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak mudah untuk mengurangkan defisit dalam belanjawan.

Beliau berkata, jika Malaysia mengikut cara pengurusan ekonomi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), kerajaan dalam apa juga

keadaan perlu mencatatkan belanjawan lebihan tanpa mengira sama ada rakyat merana atau tidak.

"(Tetapi) kita tak dapat melaksanakan demikian kerana seperti tahun lalu, kerajaan terpaksa tingkatkan perbelanjaan untuk merangsangkan ekonomi.

"Dengan itu kerajaan berbelanja lebih daripada pendapatannya tetapi kesannya, ekonomi negara dapat tumbuh dan kekal positif walaupun hanya 0.4 peratus," katanya.

Tahun ini defisit belanjawan negara dianggarkan sebanyak 6.5 peratus daripada KDNK.

Dr Mahathir berkata, walaupun defisit Belanjawan 2003 dijangka kira-kira enam peratus daripada KDNK, iaitu tidak jauh berbeza daripada anggaran defisit tahun ini, tetapi secara relatifnya, ia adalah jauh lebih kecil.

Beliau berkata, ini kerana sejajar dengan pertumbuhan ekonomi, nilai KDNK tahun depan sudah tentunya akan meningkat dan ini ber-

makna defisit enam peratus yang dijangka bagi tahun depan itu adalah jauh lebih kecil nilainya daripada enam peratus tahun ini.

"Yang penting bukan jumlah perbezaan tetapi peratusan berbanding (nilai) KDNK," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun kerajaan tidak boleh terus meneruskan melaksanakan belanjawan defisit kerana ia adalah tidak sihat untuk ekonomi negara.

Kerajaan akan memastikan negara mencatat sekurang-kurangnya belanjawan seimbang, katanya.

Perdana Menteri, berkata justeru kerajaan perlu mengkaji dengan teliti cadangan untuk mengurangkan cukai korporat kerana jika ia dilakukan defisit belanjawan mungkin meningkat.

"Ramai yang mencadangkan kerajaan mengurangkan cukai korporat untuk menggalakkan kegiatan perniagaan dan kerajaan dapat mengambil lebih banyak cukai.

"Ini perlu dikaji sama ada

benar atau tidak. Kerajaan sudah mengurangkan cukai korporat daripada 45 peratus sebelum ini kepada 28 peratus sekarang.

"Tetapi, kerajaan berpendapat insentif bukan hanya berasaskan cukai tetapi juga kepada faktor lain untuk menarik pelaburan," katanya.

Mengenai permintaan kerajaan negeri untuk meningkatkan peruntukan, Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu memastikan peruntukan belanjawan yang sudah dibuat dipatuhi.

Perdana Menteri berkata, antara tujuan kerajaan melaksanakan belanjawan dua tahun sekali adalah bagi mengelakkan peruntukan tidak dapat dihabiskan kerana masalah birokrasi seperti pengambilalihan tanah, penyediaan dokumen tender dan mendapatkan kontraktor.

Belanjawan 2003 yang akan memfokus ke arah memupuk sektor swasta yang dinamik dan berdaya tahan akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 September ini.